

India, yahudi dan kristian dari Timur Tengah. Jika kaum muslimin melanggar perintah Allah, maka di saat ini hanya ummat Islam sahaja yang menjadi penghuni di sebahagian Eropah bermula di Viena, sebahagian besar Afrika dan India dan seluruh Timur tengah. Tetapi ummat Islam di perintahkan oleh Allah supaya berlaku baik terhadap orang kafir dan perkara yang disebut tadi tidak mungkin berlaku. Tidak ada tempat yang lebih selamat bagi kaum minoriti di dalam dunia ini melainkan dalam negara Islam (khilafah), yang hanya diperintahkan dengan sistem dan peraturannya dari pencipta manusia Allah swt. Hanya dengan peraturan Allah sahaja yang dapat menjaga keamanan dan kesejahteraan ummat manusia, samada yang Islam atau pun bukan Islam. Maka, kepada ummat Islam yang masih mabuk dengan candu kapitalisme, nasionalisme, patriotisme mahupun sosialisme, marilah sama-sama kita berusaha menegakkan kembali hukum Allah di muka bumi ini dengan mendirikan daulah Islamiyah atau khilafah. Insyallah Cahayanya telah hampir tiba.

## An Nahdha

Masih segar dalam ingatan, akhir tahun 1979 diadakan pelbagai perayaan dan sambutan untuk menyambut datangnya abad XV Hijrah (15 Hijrah). Beberapa negara Muslim gegap gempita menyambutnya. Mengapa abad XV ini dianggap begitu istimewa? Ternyata ia berkaitan dengan isu yang tersebar bahawa abad XV Hijrah ini merupakan "Abad Kebangkitan Umat Islam".

Sejak awal tahun 1980-an hingga kini kita telah saksikan pelbagai aktiviti ataupun kegiatan keislaman dilaksanakan. Kita lihat di Malaysia sahaja seolah-olah nampak suatu perkembangan ke arah itu. Mungkin ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun. Namun adanya perkembangan tersebut menimbulkan suatu persoalan; "Kebangkitan yang bagaimanakah yang dikehendaki?". Satu jawapan yang tepat amatlah diperlukan kerana ianya bakal menjadi penentu arah bagi kaum muslimin. Persoalan: "Ke mana mereka harus melangkah untuk menempuh kebangkitan?" Persoalan seumpama ini memerlukan telaah yang mendalam terhadap fakta sejarah agar kita dapat mengambil hikmah dan pelajarannya. Juga agar kaum muslimin tidak keliru dalam mengarahkan suatu kebangkitan.

Dorongan untuk bangkit boleh muncul oleh pelbagai sebab yang antara lainnya sebab ekonomi, teknologi atau ilmu pengetahuan. Jika ekonomi

dianggap sebagai landasan kebangkitan pastinya pengarahannya dimulakan dengan pembangunan pelbagai bidang dan sarana ekonomi. Jika kebangkitan dilandasi motivasi mengejar ilmu pengetahuan, tentu pengarahannya dimulai dengan mendirikan lembaga pendidikan dan pengajaran sebanyak yang mungkin. Tetapi adakah motivasi yang demikian digunakan sebagai "landasan kebangkitan?"

Sesungguhnya kebangkitan dalam ekonomi, ilmu pengetahuan dan teknologi tidak lain adalah hasil dari "proses berfikir" untuk memecahkan suatu masalah kehidupan yang terus menerus dilakukan secara menyeluruh. Inilah yang dikatakan "Pemikiran menyeluruh" (Fikrah kulliyah). Fikrah merupakan kekayaan yang tidak ternilai harganya. Sebab, proses yang terjadi dapat menghasilkan pelbagai kemajuan dan peningkatan taraf kehidupan. Kemajuan ilmu dan teknologi serta penemuan baru lainnya, dihasilkan apabila fikrah telah ada. Demikian pula halnya dengan peningkatan taraf kehidupan dan kejayaan ekonomi suatu bangsa dapat dicapai bilamana bangsa tersebut sudah memiliki kerangka berfikir atau fikrah untuk maju.

Secara ringkasnya untuk sudut An Nahdha minggu ini, Kebangkitan Islam yang didambakan itu hendaklah berdasarkan "**Kebangkitan Ideologis**" iaitu terlebih dahulu mengembalikan Aqidah Islam ke kedudukan yang sepatutnya dan menerapkan hukum syarak melalui penegakkan semula **Al Khilafah (Daulah Islam)** yang mana ianya akan mampu membangkitkan dan menghantarkan umat Islam ke puncak kejayaan dunia baik dari segi politik, ilmu pengetahuan mahupun kemajuan ekonomi. Wassalam

## Wahyu Ilahi

Mereka berkehendak mema'qamkan cahaya (Agama) Allah dengan mulut (ucapan-ucapan) mereka, dan Allah tidak mengkehendaki selain menyempurnakan cahayaNya, walaupun orang-orang kafir tidak menyukai. Dialah yang telah mengutuskan RasulNya (dengan membawa) petunjuk (Al Quran) dan membawa agama yang benar untuk dimenangkanNya atas segala agama, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukai.

(At Taubah 32-33)



Bil 1/2000

28 Januari 2000

Edisi Mingguan

## Antara Assobiyah, Zimmi dan Minoriti

Alaf baru 2000 telahpun bermula yang pastinya disambut dengan penuh meriah dan penuh pengharapan oleh seluruh umat manusia di antearo dunia. Di sepanjang abad yang berlalu, Dunia Islam terus berjalan dengan seok-seok disepanjang jalan penuh bahaya yang telah diciptakan oleh golongan kuffar yang tidak pernah senang untuk duduk diam melihat ummat Islam bangkit meraih kejayaan. Mereka senantiasa menyuntik racun-racun berbisa untuk melemahkan dan seterusnya menghancurkan sebarang usaha untuk kembali kepada Islam yang murni. Salah satu konsep beracun yang menodai umat Islam saat ini sehingga ia juga menjadi penghalang kepada Kesatuan Ummat Islam Sedunia ialah Nasionalisme.

### Hakikat sebenar Nasionalisme

Nasionalisme adalah ikatan sesama manusia yang didasarkan atas ikatan kekeluargaan, klan dan kesukuan. Assobiyah ini muncul di antara manusia tatkala pemikiran yang mendasari mereka adalah menjurus kepada untuk mendominasi di antara satu sama lain. Hal ini dimulai dari keluarga yang didalam keluarga itu, salah seorang darinya menunjukkan kekuasaan untuk memimpin segala urusan keluarganya. Jika hal ini telah tercapai, maka orang ini akan melebarkan sayap kepimpinannya ke masyarakat yang sebangsa dengannya, yang merupakan bentuk perluasan sebuah negara. Dengan cara ini keluarga-keluarga tersebut juga berusaha untuk meraih kekuasaan di masyarakat tempat mereka hidup. Tahap selanjutnya adalah persaingan di antara suku, yang masing-masing hendak mendominasi yang lain agar mendapat hak-hak istimewa dan kebanggaan yang didapatkan kerana kekuasaan.

Nasionalisme tidak akan dapat menyatukan ummat sebab ikatan ini didasarkan kepada naluri mempertahankan hidup (gharizatul baqa') dan keinginan untuk menguasai tampuk kepimpinan. Persaingan untuk mendapatkan kekuasaan ini akan membawa kepada terjadinya pergolotan kekekuatan diantara sesama manusia dan hal ini mendorong berlakunya konflik di antara seluruh peringkat masyarakat.

### Larangan Islam Terhadap Nasionalisme

Nasionalisme merupakan suatu konsep yang sangat berbeza dengan Islam, sebab ia menyeru kepada kesatuan berdasarkan pada

ikatan kekeluargaan dan kesukuan, sementara Islam menyatukan manusia berdasarkan pada Aqidah, iaitu keimanan kepada Allah swt dan Rasulnya SAW. Islam menyeru ummat nya bersatu berdasarkan ikatan ideologi Islam. Menyatukan manusia berdasarkan ikatan kesukuan jelas dilarang. Diriwayatkan dari Abu Daud bahawasanya Rasulullah SAW bersabda, "**bukan dari golongan kami orang-orang yang menyeru kepada assobiyah (nasionalisme/sukuisme), orang yang berperang kerana assobiyah serta orang-orang yang mati kerana assobiyah**".

Dalam hadis yang lain Rasulullah SAW ketika berbicara mengenai masalah nasionalisme, rasisme dan patriotisme, telah bersabda, "**Tinggalkanlah, ia tidak berguna**" (Bukhari dan Muslim) dan dalam Hadis yang ditulis oleh Misykat al masabih, Rasulullah SAW berkata: "**dia yang menyeru kepada Assobiyah laksana seorang yang mengigit kemaluan ayahnya**".

Di ceritakan oleh At-tabrani dan Al-hakim bahawa dalam suatu insiden beberapa orang memperkatakan dan merendah-rendahkan Sahabat Salman Al Farisi. Mereka membicarakan inferioriti orang Parsi dibandingkan dengan orang Arab. Ketika mendengar hal ini Rasulullah SAW, menyatakan dengan tegas "**Salman adalah sebahagian dari kami, Ahlul Bait (keluarga Rasul)**". Pernyataan Rasulullah SAW ini memutuskan seluruh ikatan berdasarkan kepada faktor keturunan dan kesukuan.

Juga kisah dalam dua riwayat yang berbeza oleh Ibnu Al-Mubarak dalam dua kitabnya, Al-Birr dan As-Salah, bahawa terjadi ketidaksepakatan

Penyalinan/penerbitan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan mendapat keredhaan Allah SWT. Tiada Hakcipta (Copyright) di dalam Islam.

Sebarang pertanyaan atau komen sila e-melkan kepada buletin\_islam@yahoo.com(<http://fin97.tripod.com>)

antara Abu Dzar dan Bilal. Abu Dzar berkata kepada Bilal, *“Kamu anak seorang budak hitam”* Rasulullah SAW yang mendengar perkara ini sangat marah, lalu beliau mengingatkan Abu Dzar dengan bersabda: *“Ini keterlaluan Abu Dzar”. Orang yang ibunya berkulit putih tidak mempunyai kelebihan yang membuatnya menjadi lebih baik daripada seorang yang ibunya berkulit hitam*”. Peringatan ini meninggalkan kesan yang amat dalam diri Abu Dzar. Ia kemudian meletakkan kepalanya di tanah dan bersumpah bahawa ia tidak akan mengangkatnya selagi Bilal belum menginjakkannya ke atasnya.

Peristiwa-peristiwa ini menunjukkan bahawa ikatan nasionalisme tidak mendapat tempat sama sekali dalam Islam. Kaum muslimin diperintahkan untuk berdiri bersama-sama dan tidak memisahkan diri antara satu sama lain hanya kerana mereka berasal dari suku kaum yang berbeza. Rasulullah SAW juga bersabda:

*“Orang-orang yang beriman, dalam kecintaannya, kasih sayangnya dan persatuan yang kuat, laksana satu tubuh; ketika satu bahagian tubuh men derita sakit , maka seluruh tubuh akan merasa sakit dengan mengigil dan demam.”*  
(H.R Muslim)

*“Orang-orang yang beriman seperti satu tubuh; jika matanya sakit, maka seluruh tubuhnya akan merasa sakit.”* (Muslim)

*“Orang Arab tidaklah lebih baik dari orang bukan Arab. Sebaliknya, orang bukan Arab juga tidak lebih baik dari orang Arab. Orang berkulit merah tidak lebih baik dari orang berkulit hitam kecuali dalam ketqwaannya. Umat manusia adalah anak cucu Adam dan Adam diciptakan dari tanah liat.”*  
(H.R. Bukhari dan Muslim, dari Abu Musa)

Perkara ini bererti bahawa orang-orang Islam, baik keturunan Cina, India, Melayu, Jawa, Afrika, Eropah mahupun Asia, merupakan umat yang satu dan mereka tidak dapat dipisahkan satu sama lain. Seharusnya tidak ada satupun ikatan nasionalisme pun yang dapat memecahbelahkan kesatuan ummat Islam. Allah berfirman sebagai berikut:

*“Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara.”* (Al-Hujurat:10)

**Apakah Layanan Islam Terhadap Orang-Orang Bukan Islam?**

Rasulullah SAW tidak selalu memerangi orang-orang kafir. Apabila orang-orang kafir sebagai sebuah komuniti menolak untuk bergabung ke dalam sistem negara Islam yang beliau dirikan, maka beliau perangi sehingga mereka dapat ditakluki. Kalau mereka telah menerima untuk hidup dibawah sistem Islam maka status mereka menjadi warganegara negara yang dilindungi, tidak akan di perangi. Mereka disebut kafir dzimmi atau Ahlu dzimmah. Allah swt berfirman :

*“Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak (pula) kepada Hari kemudian dan mereka tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan rasulnya dan tidak beragama dengan agama yang benar (agama Allah) , iatu orang-orang yang diberikan Al Kitab kepada mereka, sampai mereka membayar jizyah dengan patuh sedang mereka dalam keadaan tunduk”*(QS. At Taubah 29)

**Persamaan hak sosial ekonomi dan perlindungan hukum warganegara negara non muslim(kafir dhzimmi) dengan warganegara negara muslim.**

Orang-orang kafir dhzimmi yang tunduk dengan sistem Islam akan menikmati hak yang sama seperti ummat Islam yang lain. Apa saja kemudahan yang disediakan oleh negara kepada orang Islam, juga di berikan kepada kafir dhzimmi. Baik dari segi ekonomi, pendidikan, kesihatan dan keselamatan. Negara wajib menjaga kebajikan mereka sebagai mana warganegara muslim. Tidak ada kuota dalam memberi kemudahan bagi setiap warganegara negara Islam. Tidak ada kuota dalam pendidikan, kesihatan maupun ekonomi . Semua warganegara negara akan dilayan samarata tanpa mengira warna kulit, kaum ataupun bangsa kerana warganegara khilafah(negara Islam) hanyalah dikelaskan kepada yang memeluk Aqidah Islam dan orang yang tunduk dengan sistem Islam (Kafir dhzimmi). Hal ini ditegaskan lagi oleh sabda Rasulullah SAW *“sesiapa yang menyakiti seorang dzimmi (nonmuslim yang tunduk kepada sistem pemerintahan Islam) pada hakikatnya sama dengan menyakitiku”*. Jadi dengan tegasnya Islam amat menjaga kebajikan non-muslim yang berada di bawah kekuasaannya. Harta, kehormatan serta nyawa mereka akan di pelihara dan dijaga oleh penguasa Islam. Mereka juga dibenarkan mengamalkan amalan agama mereka baik didalam hal perkahwinan, kematian ataupun peribadatan mereka.

Dalam sebuah negara Islam, kafir dhzimmi hanya tidak diberi hak untuk menubuhkan

parti politik. Sebab parti politik dalam sistem negara Islam hanya boleh berasaskan Islam dan mengadopsi idea-idea dan hukum-hukum Islam. Adalah diharamkan sama sekali parti-parti politik yang berasaskan kaum (Assobiyah), sosialis mahupun sekular. Orang-orang non muslim dhzimmi juga tidak diberi hak untuk menjadi penguasa, seperti khalifah atau wali. Sebab Allah swt berfirman : *“Dan sekali kali Allah tidak mengizinkan orang-orang kafir mendapat jalan untuk menguasai orang mukmin”* (QS An Nisa : 41).

**Bukti dari sejarah : bagaimana Islam melayan pihak minoriti.**

Sejarah telah membuktikan bahawa Islam telah memerintah  $\frac{3}{4}$  dunia selama lebih 1300 tahun lamanya. Dan bagi pihak minoriti yang lemah maka tempat mengadu mereka adalah kepada daulah Islamiyah pada ketika itu. Negara Islam yang mula ditegakkan oleh Rasulullah SAW di Madinah mempunyai penduduk yang terdiri dari puak Yahudi, Kristian dan Pagan, munafik dan orang-orang Islam. Nyawa serta kebebasan untuk mengamalkan agama bagi pihak minoriti ini dijamin. Tidak ada seorang pun yang dipaksa untuk menukarkan agamanya. Seperti yang dinyatakan oleh Allah dalam AlQuran *“tidak ada paksaan di dalam deen”* (Al Baqarah : 256), yakni Islam tidak memaksa manusia untuk memeluk Aqidah Islam. Non-muslim hidup aman damai dibawah naungan Islam selama lebih kurang 13 kurun lamanya.

Contoh yang lain, dalam tahun 1492M, kaum yahudi yang ditindas oleh orang-orang kristian semasa penjajahan sepanyol meminta pertolongan dari pihak Islam yang memberi kepada mereka perlindungan di dalam negara Islam. Orang-orang yahudi hidup aman bahagia di bawah undang-undang negara Islam dan makmur juga dalam urusan perniagaan dan perdagangan mereka. Hingga ke hari ini, kita boleh lihat kesan yang dinikmati oleh orang-orang yahudi ini di Istanbul dan di bahagian-bahagian lain di turki. Walaupun orang-orang yahudi ini amat sekali membenci Islam tetapi mereka diberi perlindungan dan keselamatan oleh daulah khilafah pada masa itu. Semua itu dilakukan oleh negara Islam hanya untuk mentaati perintah Allah supaya menjaga kebajikan kafir dhzimmi. Palestine suatu ketika pernah berada di bawah kekuasaan Islam selama bebarapa abad, orang-orang yahudi, kristian, Islam hidup bersama dengan aman dan harmoni di bawah pemerintahan negara Islam. Hingga sampai masa perang salib yang dilancarkan oleh orang kristian Sepanyol ke atas Palestine, hingga membunuh orang-orang Is-

lam, yahudi dan malahan membunuh orang-orang kristian Palestine sendiri. Kesan dari pemerintahan Islam, kekal hingga ke hari ini, jika kita ke timur tengah terutamanya di Palestine kita akan dapati gereja-gereja lama kristian dan yahudi tinggalan zaman pemerintahan Islam dulu masih utuh hingga ke hari ini. Apa yang kita lihat hari ini akan menjadi cerita yang berlainan sekiranya selain dari ideologi Islam yang memerintah. Sikap agama atau ideologi selain Islam terhadap golongan minoriti boleh dilihat dengan mudah melalui peristiwa yang dirakamkan oleh sejarah. Siapa yang melakukan penaklukan dalam tahun 1942, menghapuskan kehadiran kaum muslimin di Sepanyol? Siapa yang bertanggung jawab dengan pembunuhan di Eropah?

Siapa yang membunuh orang-orang Asli di bumi Amerika? Siapa yang membunuh penduduk asal Australia? Siapa yang menindas rakyat Afrika selatan? Siapa yang bertanggungjawab menindas umat Islam Palestine, yang mana masih tak selamat bagi mereka walaupun berada di dalam masjid untuk bersolat? Siapakah orang yang bertanggungjawab membunuh umat Islam di India dan meruntuhkan masjid orang Islam? Siapa yang bertanggungjawab membunuh muslim di Bosnia berada di kalangan orang-orang Eropah yang mendakwa diri mereka bertamadun? Siapa? Siapa? Maka, jelas bagi kita, realiti senario dunia hari ini telah menunjukkan kepada kita siapa yang bertanggungjawab terhadap kesengsaraan penduduk dunia.

**Penyelesaian mutlak bagi masalah perkauman.**

Hanya ideologi Islam yang dapat menyatukan ummat manusia di muka bumi Allah ini. Islam adalah satu ideologi yang akan menjaga hak dan kebajikan untuk semua ummat manusia dan bukan sekadar untuk orang-orang Islam. Seperti firman Allah:

*“Dan tidaklah kami mengutuskan Seperti firman Allah “ Dan tidaklah kami mengutuskan kamu (Muhamad ) melainkan untuk rahmat bagi seluruh umat manusia.”* ( Al-Anbiya : 107).

Islam amatlah melarang dalam menggunakan kekerasan untuk mengajak non muslim memegang Aqidah Islam. Jika polisi Islam adalah kekerasan, maka tidak akan kita dapati seorang kristian pun di Balkan, tidak akan ada seorang yahudi dan kristian pun di timur tengah, dan tidak akan ada penganut hindu di India. Sama seperti pupusnya orang-orang Islam di Sepanyol. Semudah pihak kristian mengusir dan membunuh kaum muslimin di Sepanyol(Andalusia) seperti itu juga mudahnya pihak Islam boleh mengusir penganut hindu dari